



**Untuk Siaran Segera  
7 Mei 2026**

**PNB Umum Pelantikan Dato' Rizal Rickman Ramli  
sebagai Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan yang  
baharu berikutan persaraan Dato' Abdul Rahman Ahmad**

**KUALA LUMPUR, 7 Mei 2026:** PNB hari ini mengumumkan pelantikan Dato' Rizal Rickman Ramli sebagai Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan (PGCE) yang baharu berikutan persaraan Dato' Abdul Rahman Ahmad.

Dato' Abdul Rahman akan bersara daripada semua jawatan eksekutif setelah tamat kontrak dua tahun beliau bersama PNB, selepas kerjaya korporat yang cemerlang selama lebih 25 tahun sebagai Ketua Pegawai Eksekutif di beberapa syarikat terkemuka Malaysia, termasuk CIMB Group Holdings Bhd, Ekuiti Nasional Bhd (Ekuinas), Media Prima Bhd dan Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB). Tarikh akhir bekerja beliau secara rasmi adalah pada 31 Mei 2026.

Dato' Rizal Rickman, yang kini merupakan Timbalan Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan, akan memegang peranan sebagai Pemangku Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan, sebelum pelantikan rasmi beliau sebagai Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB yang baharu berkuat kuasa pada 1 Julai 2026. Dato' Rizal Rickman membawa lebih daripada lapan tahun pengalaman kepimpinan progresif di PNB, termasuk mengetuai bahagian Hartanah, Pasaran Persendirian, Pelaburan Strategik dan Pengurusan Pengawasan Pelaburan, dan terkini sebagai Timbalan PGCE, di mana beliau bertanggung jawab di atas keseluruhan strategi dan operasi Kumpulan.

Sebelum menyertai PNB pada tahun 2018, Dato' Rizal Rickman pernah memegang jawatan "Country Managing Partner" Malaysia di firma perundingan global, Boston Consulting Group. Beliau membawa pengalaman luas dalam strategi, pengurusan

portfolio dan pelaburan, dengan ciri kepimpinan yang kukuh serta pemahaman menyeluruh terhadap misi, nilai dan Agenda Nasional serta Bumiputera PNB.

Lembaga Pengarah PNB mengalu-alukan pelantikan Dato' Rizal Rickman, yang mencerminkan kejayaan pelaksanaan perancangan penggantian dalaman PNB yang berkesan. Pelantikan Dato' Rizal Rickman akan memastikan kesinambungan dan kestabilan kepimpinan ketika PNB terus melangkah kukuh bagi merealisasikan Pelan Strategik LEAP-6 serta merangka pertumbuhan masa depan sejajar dengan matlamat PNB untuk memperkasa kehidupan kewangan rakyat Malaysia merentas generasi.

Lembaga Pengarah, pihak pengurusan dan warga kerja PNB merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dato' Abdul Rahman atas sumbangan beliau yang amat bernilai sepanjang lima tahun bersama PNB merentasi dua tempoh perkhidmatan. Kepimpinan dan komitmen beliau telah memainkan peranan penting dalam memperkukuh fokus strategik PNB serta pelaksanaannya, di samping memperteguh budaya kecemerlangan organisasi.

**- Tamat -**

#### **Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah salah sebuah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM360 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Selama lebih empat dekad, kami kekal fokus dalam menyumbang kepada kekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia dan berdedikasi untuk memenuhi matlamat kami mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami komited terhadap kemampanan, amalan bertanggungjawab dan penciptaan masa depan inklusif yang memberi manfaat kepada pihak berkepentingan kami dan komuniti yang disantuni. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

**Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**